



BUKU PANDUAN

MS ISO 37001 : 2016

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (SPAR)

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**



SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (SPAR) ISO 37001 : 2016

Sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambahbaik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan.

DASAR ANTI RASUAH PKN

1. Menjalankan tugas secara profesional dan berintegriti dengan mematuhi Panduan dan Etika Kerja;
2. Mematuhi Polisi Tiada Hadiah dan Hospitaliti bagi memastikan sifar rasuah dalam organisasi;
3. Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang cekap melalui kawalan dalaman yang berkesan;



4. Menjalankan program kesedaran melalui kempen yang berterusan dan berkesan untuk membudayakan antirasuah dalam organisasi;
5. Mewujudkan saluran aduan dan pelaporan rasuah serta menjamin keselamatan dan kerahsiaan maklumat pengadu melalui Polisi Pemberian Maklumat (*WhistleBlowing Policy*);
6. Memastikan pengurusan antirasuah dilaksanakan dengan berkesan, dipantau dan dinilai selaras dengan keperluan MS ISO 37001:2016 dan undang-undang berkaitan untuk menjaga kepentingan organisasi bagi mencapai visi, misi dan objektif;
7. Memberi mandat kepada Bahagian Khidmat Pengurusan untuk memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah yang berkesan; dan
8. Mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pegawai yang terlibat dengan kegiatan rasuah.



OBJEKTIF SPAR

1. Mencapai tahap integriti yang tinggi dikalangan pegawai di PKN Perak
2. Meningkatkan tahap kesedaran dan kompetensi SPAR dikalangan anggota kerja dan rakan strategik perniagaan
3. Aduan salah laku integriti dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan
4. Melaksanakan langkah rawatan yang ditetapkan di dalam *OACP* dan pelan penilaian risiko rasuah
5. Aduan salah laku rasuah dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6. Meningkatkan keupayaan kemudahan infrastruktur dalam aktiviti mencegah, mengesan dan tindak balas ke atas rasuah.



KANDUNGAN STANDARD SPAR 37001:2016

SEKSYEN	KANDUNGAN
1.0 Pengenalan Kepada PKN	
2.0 Prinsip Pengurusan Antirasuah	
3.0 Pendekatan Proses Sistem Pengurusan Antirasuah	
4.0 Konteks Organisasi	4.1 Memahami Organisasi Konteks
	4.2 Memahami Keperluan dan Harapan Pihak Berkepentingan
	4.3 Mengenalpasti Skop SPAR
	4.4 Sistem Pengurusan Antirasuah
	4.5 Penilaian Risiko Rasuah
5.0 Kepimpinan	5.1 Kepimpinan dan Komitmen
	5.2 Dasar Antirasuah
	5.3 Peranan, Tanggungjawab dan Kuasa

6.0 Perancangan	6.1 Tindakan Untuk Menangani Antirasuah dan Peluang
	6.2 Objektif Antirasuah dan Perancangan Pencapaiannya
7.0 Sokongan	7.1 Sumber
	7.2 Kompetensi
	7.3 Kesedaran dan Latihan
	7.4 Komunikasi
	7.5 Dokumen SPAR
8.0 Operasi	8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi
	8.2 <i>Due Diligence</i>
	8.3 Kawalan Kewangan
	8.4 Kawalan Bukan Kewangan
	8.5 Pelaksanaan Kawalan Antirasuah oleh Organisasi di Bawah Kawalan dan oleh Rakan Strategik
	8.6 Komitmen Antirasuah
	8.7 Hadiah, Hospitaliti, Derma dan Lain-lain Manfaat



	8.8	Menguruskan Kelemahan Kawalan Antirasuah
	8.9	Pengendalian Aduan
	8.10	Siasatan dan Pengendalian Rasuah
9.0 Penilaian Prestasi	9.1	Pemantauan, Pengukuran, Analisis dan Penilaian
	9.2	Audit Dalaman
	9.3	Kajian Semula Pengurusan
	9.4	Kajian Semula Fungsi Pematuhan Antirasuah
10.0 Penambahbaikan	10.1	Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan
	10.2	Penambahbaikan Berterusan

SKOP PELAKSANAAN SPAR

Bil.	Skop	Proses
1.	Pengurusan Kewangan	a) Penyediaan Belanjawan Dan Kawalan Perbelanjaan b) Pengurusan Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi c) Pengurusan Pelaburan d) Pengurusan Aset e) Pengurusan Penerimaan Hasil
2.	Pengurusan Perakaunan	a) Pengurusan Bayaran b) Penyediaan Penyata Kewangan Tahunan Negeri c) Pengurusan Naziran d) Penyesuaian Bank e) Pengurusan Cukai Hiburan
3.	Perkhidmatan Sokongan	a) Pengurusan Perolehan b) Pengurusan Pinjaman Kenderaan Dan Komputer/Telefon Pintar



AKTA DAN PERUNDANGAN

Dalam melaksanakan SPAR Pejabat Kewangan Negeri Perak telah menggunakan peraturan dan undang-undang yang berkaitan seperti berikut;

Bil.	Peraturan dan Undang-undang	Lokasi pemakaian
1.	Akta Pencegahan Rasuah (694) 2009	Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
2.	Arahan Perbendaharaan	Semua bahagian
3.	Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan Malaysia	Semua bahagian
4.	Pekeliling-Pekeliling Kewangan Negeri	Semua bahagian
5.	Peraturan dan Tatacara Pengurusan Kewangan	Semua bahagian
6.	Pekeliling Perkhidmatan	Bahagian Khidmat Pengurusan



7.	Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993	Unit Integriti SUK/ Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
8.	Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 1995	Unit Integriti SUK/ Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
9.	Perintah Am	Bahagian Khidmat Pengurusan
10.	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia	Unit Naziran
11.	Akta Duti Hiburan 1953	Unit Duti
12.	Akta 711: Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010	Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
13.	Akta Rahsia Rasmi 1972	Semua bahagian



KONTEKS ORGANISASI

PKN telah mengenalpasti isu dalaman dan luaran yang berkaitan dengan tujuan, dan yang memberi kesan terhadap keupayaan untuk mencapai sasaran yang ingin dicapai oleh SPAR. Antara faktor yang dipertimbangkan adalah:

- a) Saiz, struktur dan penurunan kuasa dalam membuat keputusan;
- b) Lokasi dan sektor yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan;
- c) Ciri semulajadi, skala dan kompleksiti aktiviti dan operasi organisasi;
- d) Model perniagaan/perkhidmatan organisasi;
- e) Entiti di mana organisasi mempunyai kawalan dan entiti yang menjalankan kawalan ke atas organisasi;



- f) Rakan perniagaan organisasi;
- g) Sifat dan tahap interaksi dengan pegawai awam; dan
- h) Statutori yang terpakai, peraturan dan tugas berkanun, peraturan, kontrak dan tanggungjawab profesional dan tugas.

SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR)

1. SPAR diwujudkan, didokumen, dilaksanakan serta diselenggara dengan cara sistematik. Keberkesanan SPAR sentiasa dipertingkatkan selaras dengan kehendak MS ISO 37001.
2. Memastikan proses yang diperlukan bagi pelaksanaan SPAR diwujudkan, mengenalpasti dan menilai risiko rasuah serta mencegah, mengesan dan mengambil tindakan atas perlakuan rasuah.




3. Selain itu, organisasi menyediakan sumber dan maklumat yang diperlukan untuk pelaksanaan dan pemantauan proses tersebut dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu bagi memastikan pencapaian matlamat yang dirancang dan membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas proses tersebut.

RANGKA KERJA SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR)

ANTI-BRIBERY MANAGEMENT FRAMEWORK

LEADERSHIP AND COMMITMENT





JAWATANKUASA FUNGSI PEMATUHAN ANTIRASUAH

1. YB PKN membentuk dan melantik satu jawatankuasa yang berfungsi sebagai Fungsi Pematuhan Antirasuah PKN Perak. Pelantikan ini dibuat kerana di bawah Pejabat Kewangan Negeri Perak tiada struktur Unit Integriti. Unit Integriti hanya diwujudkan di peringkat SUK Perak. Jawatankuasa ini diberi kuasa melaporkan secara langsung kepada YB PKN atau Menteri Besar.

2. Jawatankuasa Fungsi pematuhan bertanggungjawab untuk:
 - a) memantau pembangunan dan pelaksanaan SPAR;
 - b) menasihati dan memberi panduan kepada pegawai tentang SPAR dan isu berkaitan rasuah;
 - c) memastikan pelaksanaan SPAR memenuhi keperluan dokumen ini;
 - d) melaporkan SPAR kepada YB PKN dan Menteri Besar mengikut keperluan.



3. Fungsi pematuhan antirasuah dibangunkan dengan sumber yang mencukupi dan ditugaskan kepada pihak yang kompeten, mempunyai kuasa dan bebas daripada pengaruh (*independence*).
4. Fungsi pematuhan antirasuah perlu melapor secara terus kepada YB PKN dan Menteri Besar sekiranya berlaku sebarang isu yang berkaitan dengan rasuah atau SPAR.
5. YB PKN boleh melantik pihak luar untuk menjalankan sebahagian atau semua fungsi pematuhan antirasuah di organisasi. Pengurusan atasan perlu menetapkan secara khusus pihak luar yang dilantik dan diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawab ke atas fungsi-fungsi yang telah ditetapkan.

DOKUMEN SPAR

Dokumen SPAR merangkumi;

- a) Manual SPAR;
- b) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan untuk keberkesanan SPAR



Tajuk Dokumen	Peranan dan Tanggungjawab
Manual SPAR	Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
Dasar Antirasuah	Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
Polisi dan Garis Panduan Penerimaan Hadiah	Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
Polisi Pemberian Maklumat (<i>WhistleBlowing Policy</i>)	Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
Polisi Siasatan Dalaman	Jawatankuasa Fungsi Pematuhan
Prosedur Kerja dan Garis panduan Operasi Kerja	Pemilik Proses Mengikut Bahagian/Unit

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

PKN akan membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan SPAR melalui semakan audit dalaman, semakan pengurusan dan semakan Jawatankuasa Fungsi Pematuhan.